

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

AOP 302 - Undang-Undang Perhubungan Perusahaan
Dan Pekerja

Masa : [3 Jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja. Tiada soalan wajib. Setiap soalan mempunyai kadar markah yang sama.

1. "Perhubungan perusahaan di Malaysia lebih bersifat 'tripartite' iaitu melibatkan pihak Kerajaan, Majikan dan Pekerja. Setiap pihak memainkan peranan tertentu yang bermatlamat mengwujudkan keharmonian perusahaan." Bahaskan sejauhmanakah kenyataan ini benar?

[100 markah]

2. Seksyen 2, Akta Kesatuan Sekerja, 1959 di antara lain menyebut bahawa Kesatuan Sekerja hendaklah mempunyai satu atau lebih tujuan-tujuan yang berikut:-

- [i] Aturan perhubungan di antara pekerja dan majikan, atau di antara pekerja dan pekerja, atau di antara majikan dan majikan;
- [ii] Perwakilan sama ada pekerja atau majikan dalam pertikaian perusahaan;
- [iii] Pengendalian, atau urusan dengan, pertikaian perusahaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;

...2/-

- [iv] Penajaan, pengelolaan atau pembiayaan mogok atau pemberhentian dalam mana-mana tred atau perusahaan atau membuat bayaran atau faedah lain bagi anggota-anggotanya semasa mogok.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, bincangkan peranan dan kriteria utama Kesatuan Sekerja di Malaysia.

[100 markah]

3. Setelah hampir tiga jam mengadakan Perundingan Bersama (Collective Bargaining) berkenaan dengan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus, bonus tahunan dan kemudahan kesihatan percuma kepada pekerja, Khoo Cing yang mewakili pihak pekerja telah naik marah kerana dia menganggap dirinya dipermainkan oleh pihak majikan yang diwakili oleh Setiausaha syarikat, Ann Jing. Setiap tuntutan yang dikemukakan oleh Khoo Cing terus ditolak oleh Ann Jing dengan menggunakan berbagai alasan. Malah, kadar gaji pekerja yang diperolehi kini, dicuba pula untuk dikurangkan oleh Ann Jing. Kerana terlalu marah, Khoo Cing yang baru sahaja menamatkan latihan kungfu terus menumbuk meja tempat mereka berunding dengan kuatnya. Tumbukan itu rupa-rupanya telah menyebabkan tempat mengisi abu rokok di hadapan Ann Jing terlompat ke atas dan singgah tepat ke dahi Ann Jing. Satu bonjol besar berwarna biru kehitaman telah timbul. "Celaka, ini macam tak boleh jadi. Aku tak mahu berunding lagi." Kata Ann Jing dengan marah. Khoo Cing merasa serba salah di atas perbuatannya yang tidak disengajakan itu. Kini dia merasakan kebuntuan (impasse) perundingan telah berlaku. Dengan segera dia datang menemui anda. Nasihatkan Khoo Cing berkenaan dengan cara yang boleh digunakan bagi menyelesaikan kebuntuan (impasse) tersebut.

(100 markah)

4. Bahaskan kebaikan dan keburukan Perundingan Bersama (Collective Bargaining) dan Arbitrasi Wajib (Compulsory Arbitration). Pada pandangan anda, kaedah manakah yang lebih baik yang dapat digunakan untuk mewujudkan keharmonian perusahaan di negara ini?

[100 markah]

...3/-

5. Pekerja-pekerja Industri Gua Caya Sama Lu Sdn. Bhd. telah memberi amaran kepada pihak majikan bahawa mereka akan mengadakan beberapa tindakan tertentu sebagai lanjutan kepada pertikaian perusahaan sekiranya pihak majikan enggan memenuhi tuntutan mereka supaya diadakan tempat kerja yang lebih selesa. Untuk membolehkan tindakan mereka selaras dengan undang-undang perhubungan perusahaan, seorang wakil Kesatuan Sekerja Pekerja di Industri Gua Caya Sama Lu Sdn. Bhd. telah datang menemui anda untuk mendapatkan nasihat berkenaan dengan tindakan-tindakan lanjutan daripada pertikaian perusahaan yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan terhadap majikan mereka. Sebagai seorang peguam, anda diminta untuk menasihatkan wakil berkenaan. Berikan nasihat anda tentang tindakan-tindakan yang biasa digunakan oleh pihak pekerja sebagai lanjutan kepada pertikaian perusahaan.

[100 markah]

6. Dalam kes Wong Han lwn. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Lombong Malaya (1968) 2 M.L.J. XXVII Tribunal Timbangtara Perusahaan memutuskan bahawa pemecatan yang dibuat oleh majikan terhadap pekerjanya yang memasuki Kesatuan Sekerja merupakan suatu penindasan. Ulaskan keputusan ini dengan menyebut perbuatan-perbuatan lain yang boleh dikategorikan sebagai penganiayaan ke atas pekerja.

[100 markah]

7. Sebagai seorang Pengurus Perjawatan disebuah syarikat perusahaan bertaraf antarabangsa, anda telah ditugaskan untuk menamatkan perkhidmatan (memecat) seorang pekerja yang telah melesapkan wang syarikat sebanyak \$22.2 juta. Bincangkan apakah acara yang mesti anda patuhi sebelum penamatan perkhidmatan dilakukan?

[100 markah]

8. Bincangkan peruntukan-peruntukan penting yang terdapat dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Sejauhmanakah Akta ini boleh dianggap sebagai "Akta Induk" bagi undang-undang perhubungan perusahaan di Malaysia?

[100 markah]

